

DEWAN BAHASA

دewan بهاس

MEMPERKAYA WAWASAN PEMBACA

BAHASA MELAKU DI UNIVERSITI TEMPATAN

NOVEMBER 2015

Semenanjung Malaysia : RM6.50
Sabah/Sarawak : RM7.00
Brunei Darussalam : B\$6.50
Singapura : S\$6.50

KK 499-91315 1115
ISSN 1511-9092



9 771511 909069

<http://dwnbahasa.dbp.my>



KANDUNGAN

PUISI BAHASA

- 2 Pentas Berduri
- Jais Sahok

BICARA BAHASA

- 3 Usah ditepuk Air di Dulang
- Mohidin Haji Malek

AGENDA BAHASA

- 4 Bahasa Melayu di Universiti Awam: Satu Tinjauan Umum
- Dilah Tuah

- 8 Pemartabatan Bahasa Melayu: Di Universiti Awam
- Shahir Aiman


- 12 Bahasa Melayu Sebagai Alat Perpaduan: Cabaran Melalui Sistem Pendidikan
- Suhaiizi Suhaimi

- 16 Antara Kata Majmuk dengan Simpulan Bahasa
- S. Nathesan

DUNIA BAHASA

- 22 Bahasa Utama dan Bahasa Kedua
- Hannah Zulkifli

- 26 Bahasa Melayu dan Industri Pelancongan di Krabi
- Zaidi Ismail



IKTIBAR BAHASA

- 30 Pengalaman Bahasa dan Dunia Arab
- Awang Azman Awang Pawi



PENTERJEMAHAN

- 36 Peranan Dewan Bahasa dan Pustaka dalam Penerbitan dan Penterjemahan
- Datuk Dr. Awang Sariyan

WACANA JAWI

- 40 Akronim dalam Tulisan Jawi
- Munsyi Jawi

PUSTAKA BAHASA

- 42 Glosari Dialek Memperkayakan Khazanah Warisan Bangsa
- Junawati Ab Hamid



PEDOMAN KARYA

DARIHAL BAHASA

- 44 Tiada Hari Tanpa Menulis
- Jeniri Amir

PERISTIWA BAHASA

- 54 Malam Puisi IIM-Pena Semarakkan Patriotisme
- Ahmad Sayuti Mohd Yusob

- 55 Sulalatus Salatin, Tak Lapuk Dek Hujan, Tak Lekang Dek Panas
- Lutfi Zahid

WACANA FIKRAH UMMAH

- 56 Roh Bahasa dalam Perlembagaan
- Ahmad Sayuti Mohd Yusob

BUAL BAHASA

- 58 Landskap Bahasa dalam Dunia Ilmiah
- Profesor Dato' Dr. Roslan Abd Shukor



64 PETIKAN BAHASA

Apabila anda mengirimkan sebarang tulisan, sila catatkan nama sebenar (di samping nama pena, jika ada), nombor kad pengenalan, alamat, nombor telefon dan nombor akaun bank. Tanpa maklumat ini, tulisan yang dikirim kepada kami tidak akan disiarkan. Sila nyatakan sama ada makalah yang dihantar kepada Dewan Bahasa juga dihantar kepada penerbit lain. Sila alamatkan tulisan anda kepada:

Editor Dewan Bahasa,
Bahagian Majalah,
Aras 20, Menara Dewan Bahasa dan Pustaka,
Peti Surat 10804, 50926 Kuala Lumpur.

No. Telefon: 03-2147 9001/9420
No. Faks: 03-2147 9617.

Oleh **SUHAIZI SUHAIMI**

Bahasa Melayu Sebagai Alat Perpaduan: **Cabaran Melalui Sistem Pendidikan**

Penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu mampu membentuk perpaduan melalui sistem pendidikan. Hal ini dapat dilihat apabila timbul kesedaran dalam kalangan ibu bapa yang bukan Melayu untuk menghantar anak mereka ke sekolah kebangsaan, lantaran sekali gus mendaulatkan bahasa Melayu tersebut sebagai bahasa rasmi negara.

Pada zaman pemerintahan British, bahasa Melayu hanyalah menjadi bahasa pengantar utama di sekolah-sekolah vernakular Melayu, manakala sekolah vernakular bangsa lain menggunakan bahasa ibunda mereka sendiri berikutan dasar pecah dan perintah penjajah British ketika itu. Sistem pendidikan tersebut mempunyai perbezaan dalam banyak aspek, seperti sukatan pelajaran, bahasa pengantar, kemudahan yang disediakan serta peluang pekerjaan. Hasilnya, jurang yang tercipta ini tidak mendorong semangat kekitaan dalam kalangan kaum yang berbeza dan akhirnya menghalang perpaduan di dalam negara ini. Namun begitu, apabila Tanah Melayu mencapai kemerdekaan, pelbagai usaha untuk memartabatkan bahasa Melayu telah dilakukan oleh pembesar-pembesar Melayu yang menunjukkan bahawa bahasa Melayu mampu dijadikan bahasa pengantar dalam sistem pendidikan negara kita. Sistem pendidikan ini termasuklah dari peringkat rendah iaitu sekolah tadika sehingga ke peringkat pengajian tinggi.

Bahasa Melayu dilihat berfungsi penuh sebagai alat komunikasi dan merupakan alat perhubungan bagi masyarakat majmuk di Malaysia menyampaikan perasaan atau pemikiran dalam bentuk tulisan, lisan maupun isyarat. Malaysia yang mempunyai masyarakat yang berbilang bangsa dapat disatukan dengan menggunakan bahasa komunikasi yang dapat difahami oleh semua masyarakat iaitu bahasa Melayu. Namun begitu, terdapat segelintir rakyat Malaysia yang malu berbahasa kebangsaan terutamanya dalam bilik darjah dan hal ini sememangnya memberikan kesan buruk terhadap perpaduan melalui sistem pendidikan. Menurut Bernardo (2000), perasaan malu berkomunikasi menjadi penghalang kepada keberkesanan pembelajaran dan interaksi dalam bilik darjah. Disebabkan memiliki kemahiran berbahasa kebangsaan yang rendah, murid tersebut mengambil tindakan untuk ‘mendiamkan diri’ daripada berinteraksi antara satu sama lain lantas mengakibatkan perpaduan antara kaum sukar dibentuk. Apabila kurangnya interaksi dalam kalangan kaum

yang berbeza, maka masyarakat majmuk ini tidak saling mengenali antara satu sama lain. Hal tersebut menyebabkan berlakunya ‘defisit kepercayaan’ yang menyukarkan lagi perpaduan antara kaum. Oleh hal yang demikian, bahasa komunikasi yang dapat difahami oleh semua masyarakat amat penting bagi mengutarakan sesuatu idea. Setiap idea perlu disampaikan dalam bentuk yang gramatis serta berkualiti untuk diterima dan diguna pakai dalam kalangan masyarakat. Jelaslah bahawa bahasa komunikasi yang satu amat penting dan akan dapat meningkatkan hubungan dan menambah kualiti komunikasi antara satu sama lain, terutamanya dalam sistem pendidikan.

Penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu mampu membentuk perpaduan melalui sistem pendidikan. Hal ini dapat dilihat apabila timbul kesedaran dalam kalangan ibu bapa yang bukan Melayu untuk menghantar anak mereka ke sekolah kebangsaan, lantaran sekali gus mendaulatkan bahasa Melayu tersebut sebagai bahasa rasmi negara. Hal ini diperkuuhkan dengan kenyataan Chew (2004) bahawa kebanyakan ibu bapa Cina dan India memandang bahasa Melayu lebih penting dalam masyarakat majmuk di Malaysia. Namun begitu, masih terdapat segelintir ibu bapa bukan Melayu yang berpegang teguh pada bahasa dan tamadun mereka. Misalnya, bahasa ibunda digunakan dalam lingkungan sanak saudara dan perniagaan, bahasa Melayu sebagai urusan rasmi manakala bahasa Inggeris untuk kegunaan dalam bidang akademik dan pekerjaan, terutamanya dalam bidang sains dan teknologi. Berdasarkan fenomena tersebut, usaha menjadikan bahasa Melayu sebagai alat perpaduan melalui



sistem pendidikan dianggap sukar. Mereka mengutamakan bahasa Inggeris dalam bidang akademik dan pendidikan kerana menyedari kepentingan bahasa Inggeris dalam kehidupan seharian. Tambahan pula, pelajar kini lebih awal mempelajari bahasa Inggeris dan rasa lebih seronok mempelajarinya berbanding dengan bahasa Melayu disebabkan pendekatan pengajaran bahasa Inggeris yang hidup (Chew, 2004).

Mewujudkan perpaduan melalui sistem pendidikan bukan sahaja dapat dilihat berlaku pada peringkat sekolah, malah wujud di peringkat pengajaran tinggi. Hasrat untuk memperkasakan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu bermula dengan penubuhan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada tahun 1970 yang menggunakan bahasa Melayu sepenuhnya sebagai bahasa pengantar termasuklah dalam pengajaran sains dan teknologi (Zaharani, 2013). Hal ini mampu

memberikan citra yang positif terhadap pemartabatan bahasa Melayu, sekali gus membentuk perpaduan dalam kalangan rakyat. Sebagai bahasa pengantar di institut pengajian tinggi, bahasa Melayu perlu diperkasakan sebagai bahasa budaya yang tinggi dan bahasa ilmu yang mampu mengungkapkan semua aspek keilmuan daripada pelbagai bidang pengajaran, misalnya sains dan teknologi, kejuruteraan, perubatan, undang-undang dan sebagainya. Namun begitu, pada akhir abad ke-20, kerancakan era globalisasi menerbitkan kemajuan teknologi maklumat dan internet yang membentuk dunia tanpa sempadan. Perancangan pihak berkuasa dalam melahirkan murid dwibahasa yang bukan sahaja dapat berbahasa Melayu dengan baik, malah mampu menguasai bahasa Inggeris didapati tidak kesampaian. Justeru, kegagalan tersebut telah membawa kepada desakan yang secara terang-terangan meminggirkkan bahasa



Melayu, iaitu dengan meminda akta pendidikan untuk membenarkan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar dalam sistem pendidikan, bahasa perpaduan dan bahasa ilmu pengetahuan. Kesan daripada itu, wujud dua aliran pendidikan kebangsaan di negara kita, iaitu institut pengajian tinggi awam yang menggunakan bahasa Melayu manakala institut pengajian tinggi swasta menggunakan bahasa Inggeris. Hal ini bertambah rumit dengan peningkatan dalam jumlah pengajian tinggi. Ternyata jumlah mata pelajaran yang dikendalikan dalam bahasa Inggeris semakin bertambah dan akhirnya kursus di peringkat pengajian tinggi keseluruhannya dikendalikan dalam bahasa Inggeris (Zaharani, 2013). Hal ini secara senyap telah ‘meracun’ darjat bahasa Melayu sebagai bahasa negara yang mampu menyatupadukan rakyat Malaysia.

Oleh hal yang demikian, terdapat beberapa langkah yang

boleh diambil dalam usaha membentuk perpaduan melalui sistem pendidikan. Langkah yang pertama adalah mewujudkan sekolah satu aliran. Sekolah satu aliran bermaksud sekolah yang memusatkan kesemua kaum di bawah institusi pendidikan yang sama dan mengikuti sistem pendidikan dan sukanan pelajaran yang telah ditetapkan oleh kerajaan. Perkara ini memberikan impak yang positif dalam membina perpaduan seperti yang terkandung dalam laporan Barnes (1950) yang mencadangkan satu sistem aliran, namun dalam bahasa Inggeris. Laporan Barnes penting kerana, buat pertama kalinya, satu kenyataan telah dibuat mengenai peranan pendidikan bagi mengurangkan jurang perbezaan kaum dan mengintegrasikan semua kaum ke arah satu negara yang bersatu padu. Laporan ini juga meyakinkan bahawa sekolah-sekolah Inggeris boleh digunakan

untuk mencapai kos sosial yang rendah. Walau bagaimanapun, laporan tersebut tidak dilaksanakan atas dasar kepentingan kaum masing-masing dan kerajaan memberikan kebebasan kepada setiap kaum dan kelompok tertentu untuk memilih jenis sekolah mengikut pilihan sendiri. Justeru, terbentuklah pelbagai jenis aliran sekolah seperti Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK), Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK), Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA), Sekolah Antarabangsa, sekolah swasta dan sebagainya. Penubuhan ini jelas melemahkan usaha ke arah membentuk perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia. Pemantauan yang telus dan berterusan harus dijalankan terhadap sistem pendidikan yang digunakan agar tidak meranapkan tembok perpaduan yang sekian lama terbina di negara ini.

Seterusnya, penyediaan sukanan pelajaran yang sama

tanpa mengira jenis sekolah yang terlibat hendaklah dilaksanakan. Hal ini mampu menyeragamkan penyampaian ilmu, terutamanya dalam bahasa Melayu, sejarah dengan hasrat untuk membentuk perpaduan dalam kalangan rakyat. Masalah terus berlaku apabila kaum Cina menuntut agar sukanan pelajaran bahasa Melayu di peringkat Sekolah Jenis Kebangsaan dilakukan dalam sukanan yang mudah. Namun, apabila melangkah masuk ke peringkat menengah atas, sukanan pelajaran bahasa Melayu yang bersifat rumit diselaraskan bagi kesemua jenis sekolah. Hal ini memberikan kesan pemahaman yang rendah bagi pelajar kaum Cina untuk menguasai bahasa Melayu. Hal ini bertepatan dengan pendapat Leonard (2012), iaitu, sistem persekolahan yang berbeza-beza dan pengasingan murid hanya menyuburkan lagi semangat perkauman. Tambahan pula, matlamat dan ideologi pendidikan yang berbeza-beza dalam sesebuah masyarakat majmuk dengan setiap kaum mementingkan pendidikan kaum masing-masing, maka akan menyukarkan usaha untuk mengintegrasikan pelajar yang terdiri daripada pelbagai kaum. Sukanan pelajaran berdasarkan kaum ini merupakan penerusan sistem pendidikan yang diperkenalkan sejak zaman kolonial lagi. Oleh sebab itu, segala sukanan pelajaran, buku teks, termasuklah tenaga pengajar, didatangkan dari negara asal mereka disebabkan kebanggaan dengan sejarah negara asal mereka yang panjang dan gilang-gemilang suatu ketika dahulu. Hal ini sedikit sebanyak mengubah persepsi dan pandangan kaum Cina dan kaum India terhadap status dan kedudukan mereka yang dianggap istimewa..

Masalah penggunaan bahasa Melayu dalam membentuk perpaduan juga dapat diatasi

Pemupukan perpaduan pada peringkat sekolah sudah menampakkan kegagalan sekiranya syarat ini tetap dikuatkuasakan dalam pemilihan guru bahasa Melayu di sekolah jenis kebangsaan Cina.

dengan penerimaan guru atau pendidik bahasa Melayu yang berbangsa Melayu di sekolah jenis kebangsaan (SJK) Cina. Hal ini boleh berlaku apabila guru berbangsa Melayu berpeluang mendekati pelajar berbangsa Cina dengan lebih rapat di samping dapat mengenal pasti kelemahan berbahasa Melayu penutur bukan natif tersebut. Oleh hal yang demikian, perpaduan yang muhibah dapat terjalin hasil percampuran tersebut. Selain itu, pola interaksi sosial antara kumpulan pelbagai etnik dapat dipupuk melalui dasar pendidikan kebangsaan yang berorientasikan perpaduan (Vander Zanden, 1989). Masalah menjadi rumit apabila syarat bagi penempatan guru di sekolah jenis kebangsaan (SJK) Cina menekankan kemestian seseorang memperoleh kepujian dalam bahasa Mandarin pada tahap Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Secara puratanya, mereka yang mengambil bahasa Mandarin pada peringkat SPM majoritinya ialah kaum Cina. Hal tersebut jelas memusatkan lagi pengelompokan kaum Cina di sekolah jenis kebangsaan Cina apabila guru bahasa Melayunya berbangsa Cina. Pemupukan perpaduan pada peringkat sekolah sudah menampakkan kegagalan sekiranya syarat ini tetap dikuatkuasakan dalam pemilihan

guru bahasa Melayu di sekolah jenis kebangsaan Cina. Selain itu, ‘perpaduan tulen’ yang membawa maksud kaum bukan asal bersedia untuk berintegrasi dengan kaum asal, turut sukar dicapai apabila kaum Baba Nyonya, Chetti dan Cina peranakan yang dahulunya menghantar anak mereka di sekolah kebangsaan, lebih cenderung beralih arah ke sekolah jenis kebangsaan (SJK). Kerajaan seharusnya mengiktiraf golongan tersebut menjadi ‘kelompok sosial yang istimewa’ kerana mereka yang melambangkan ‘perpaduan tulen’ bagi rakyat di negara ini. Sekadar menjadi kebanggaan dari segi budaya dan pelancongan negara tidak mencukupi dalam usaha menjamin maruah mereka sebagai warisan yang harus dipelihara.

Kesimpulannya, martabat bahasa Melayu sebagai alat perpaduan melalui sistem pendidikan tidak dapat disangkal lagi. Masyarakat Malaysia kini semakin kaya dengan warisan bangsa yang dicirikan oleh penguasaan bahasa Melayu oleh semua kaum. Tambahan pula, semua kaum hidup dalam suasana aman damai dan muhibah kerana bahasa Melayu menjadi jambatan perpaduan. Tanpa bahasa Melayu, maka hilanglah maruah bangsa Malaysia dan bahasa negara. DB